

Estrada jamin tidak guna tentera

BH -5 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Khasis ngerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Dr Mahathir ditanya sama ada Malaysia bersetuju dengan tindakan ketenteraan dalam usaha membebaskan mangsa penculikan itu, yang kini ditahan oleh kumpulan bersenjata di selatan Filipina.

Perdana Menteri berkata, Estrada juga memberi jaminan mereka akan melakukan yang terbaik untuk menyelesaikan penculikan itu.

“Tentera Filipina sudah berada di kedudukan mereka dan kita tidak boleh bertindak lebih mengenai masalah itu,” katanya kepada pemberita selepas mempe-

nggunakan tindakan ketenteraan kadang-kadang boleh membawa kepada keadaan yang mungkin sukar untuk dikawal.

“Saya berharap Menteri dan Timbalan Menteri kita akan memberi pandangan Malaysia mengenai hal-hal yang berkaitan dengan isu penculikan ini (kepada kerajaan Filipina),” katanya selepas melancarkan buku **Takkan Melayu Hilang Di Dunia** di Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), di sini hari ini.

Malaysia menghantar Menteri di Jabatan Perdana

Menteri, Datuk Pandikar Amin Mulia dan Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd Shafie Apdal ke Filipina dua hari lalu untuk meninjau usaha membebaskan mangsa penculikan itu.

Pandikar Amin yang bertindak sebagai wakil Perdana Menteri, bertemu Estrada di Manila semalam dan diberi jaminan bahawa isu penculikan itu akan diselesaikan secara aman melalui rundingan.

Abdullah berkata, Malaysia mahu bekerjasama dengan Filipina dalam usaha membebaskan mangsa penculikan itu dan bukan mahu

menghalang atau menimbulkan kesusahan.

“Kita tahu bahawa Filipina pun menghadapi tekanan-tekanan dan masalah juga, nak menangani isu ini bukan suatu perkara yang senang,” katanya.

Abdullah berkata, beliau akan mendapatkan taklimat dari Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai, yang dijangka pulang dari Filipina hari ini untuk mengetahui perkembangan mukta-

akhir.

“Saya harap dapat berjumpa dengan beliau untuk mendapat maklumat dari mulut beliau sendiri,” katanya.

Abdullah berkata, beliau akan mendapatkan taklimat dari Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai, yang dijangka pulang dari Filipina hari ini untuk mengetahui perkembangan mukta-

akhir.